

SAMSENG BOLA SEPAK

Oleh Fuzi Amirul Azman

KALAH menang adat pertandingan. Kalau menang, jangan terlalu ghairah sehingga lupa diri; jika tewas, kena akur dengan berlapang dada. Itulah yang patut diamalkan oleh setiap penyokong tegar tanah air, khususnya penyokong pasukan bola sepak. Semangat kesukanan sememangnya wajar ditanam dalam jiwa kerana memberikan suntikan inspirasi kepada pasukan pilihan.

Malaysia merupakan antara pasukan kecil dalam sukan bola sepak jika dibandingkan dengan prestasi negara lain. Mengikut kedudukan terkini yang dikeluarkan oleh Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), Malaysia sekadar berada di kedudukan ke-164. Bola sepak di negara ini boleh diibaratkan sekadar industri kecil yang disemarakan dengan adanya liga profesionalnya, seperti Liga Super dan Liga Malaysia. Liga inilah yang menyuntik semangat penyokong pasukan negeri dan kelab untuk turun beramai-ramai memberikan sokongan padu kepada pasukan kesayangannya mereka yang sekali gus mewujudkan semangat kenegerian dan kelab.

Disebabkan hal itu juga, banyaklah kedengaran insiden kekecohan yang tercetus ketika menyaksikan perlawanan di stadium. Situasi ini bermula dengan tindakan provokasi daripada kedua-dua pihak yang seterusnya menyebabkan kelakuan liar, seperti membakar suar dan mencuri serta membaling botol, sehingga mencetuskan pergaduhan dan kerosakan harta benda.

Langkah praktikal, seperti mengasingkan tempat duduk penyokong dan memantau kemasukan barangan terlarang

seperti senjata, suar dan mencuri, sudah dijalankan. Yang lebih menakutkan, ada kejadian yang melibatkan bas yang membawa pasukan pelawat menjadi sasaran penonton yang naik minyak sehingga pihak berwajib terpaksa campur tangan sehingga menggunakan meriam air bagi meleraikan ketegangan.

Sewajarnya penonton bijak mengawal emosi dan kelakuan ketika menonton di stadium. Apabila terjadinya perkara yang tidak diingini, pihak yang bertanggungjawab akan (dalam hal ini Persatuan Bola Sepak Malaysia - FAM) akan menghukum persatuan atau negeri yang menyebabkan permulaan kekecohan.

Senario yang sama turut berlaku di Eropah yang dicituskan oleh sekumpulan samseng bola sepak yang dikenali sebagai *hooligans*, malah kejadian di negara tersebut lebih mengerikan. Mereka akan merusuh tidak kira masa, baik pasukannya menang mahupun sebaliknya. Buktinya, Liga Perdana Inggeris sesi 2009/2010 menyaksikan sejumlah 3291 tangkapan dibuat kerana kes keganasan bola sepak. Semasa berlangsungnya pusingan akhir Piala Dunia 2010 di Afrika, pihak berkuasa Britain telah mengeluarkan arahan sekatan perjalanan kepada lebih daripada 3000 orang samseng bola sepak yang bercadang menonton pertandingan itu.

Pihak berwajib di negara ini, khususnya FAM, perlu lebih realistik dan tegas dalam menghadapi pelbagai insiden buruk yang boleh menjatuhkan imej sukan negara agar bola sepak kekal menjadi sukan nombor satu dalam memupuk semangat perpaduan antara rakyat.